

BERITA HARIAN

'Masalah kepemimpinan ketika Dr M'

KUALA LUMPUR: Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad mengulangi gesaannya. supaya Perlembagaan Umno dipinda untuk membolehkan sistem kuota pemilihan diniansuhkan memberi gambaran jelas wujud masalah kepemimpinan ketika Umno dipimpinnya.

Ahli Majlis Tertinggi Umno (MT), Datuk Shahrir Samad, berkata sistem kuota diperkenalkan pada zaman pemerintahan Dr Mahathir membuktikan bekas Perdana Menteri itu berdepan dengan krisis kepemimpinan sehingga sistem itu diluluskan pada Perhimpunan Agung Khas Umno pada Oktober 1988.

"Tun (Dr Mahathir) mempunyai pandangan dan pertimbangan sendiri, mungkin dia melihat kuota perlu pada masa dia kerana berdepan dengan masalah kepemimpinan.

"Mungkin sekarang dia berasa tiada lagi masalah kepemimpinan, sebab itu Umno tidak memerlukan sistem kuota menyebabkan dia berasa perlu dimansuhkan sistem itu," katanya selepas mencegus mesyuarat pasca Kabinet Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna di Suruhanjaya Syarikat Malaysia, di sini, semalam.

Beliau mengulas gesaan Dr Mahathir supaya Perlembagaan Umno dipinda untuk membolehkan sistem kuota pemilihan yang diguna pakai sejak sekian lama dimansuhkan bagi membolehkan lebih ramai pemimpin Umno berkelayakan bertanding.